

**PERLEMBAGAAN  
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS)  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KEAHLIAN**

1. Majlis Bersama Jabatan bagi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (selepas ini disebut sebagai "Majlis") hendaklah mengandungi - 18 orang ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha yang terdiri daripada 6 orang ahli yang dilantik oleh Ketua Pengarah (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pegawai") dan 12 orang ahli yang dipilih oleh pekerja-pekerja UKAS, JPM (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pekerja").

**PIHAK PEGAWAI**

2. Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai di UKAS, JPM seperti berikut:

(i)	Ketua Pengarah	Pengerusi
(ii)	Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)	Ahli
(iii)	Pengarah Kanan Seksyen Pembangunan Koridor	Ahli
(iv)	Pengarah Seksyen Khidmat Korporat & ICT	Ahli
(v)	Timbalan Pengarah (Kewangan & Sumber Manusia) Seksyen Khidmat Korporat dan ICT	Ahli
(vi)	Timbalan Pengarah (Pentadbiran) Seksyen Khidmat Korporat dan ICT	Setiausaha

Mereka ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing.

## **PIHAK PEKERJA**

3. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja Gred 48 dan ke bawah, bukan Ketua Seksyen di UKAS dan dipilih oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di UKAS. Peraturan bagi pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja dalam UKAS dan diluluskan oleh Ketua Pengarah UKAS.
4. Kekosongan yang berlaku dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah diisi oleh calon-calon yang dilantik oleh pekerja-pekerja itu sendiri yang terdiri daripada pegawai-pegawai UKAS, JPM seperti di Perenggan 3 dan 7.
5. Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai dari tarikh pelantikan mereka, kecuali atas sebab-sebab berikut:
  - (i) atas sebab kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan;
  - (ii) dinaikkan pangkat ke jawatan lebih tinggi daripada Gred 48 dan/atau menjadi Pengarah Seksyen;
  - (iii) bertukar ke jabatan lain atau tidak lagi berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; atau
  - (iv) dikenakan tindakan tatatertib.

Mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik atau dipilih.
6. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai UKAS, JPM dengan mengikut peraturan-peraturan seperti berikut:
  - (i) enam (6) orang terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Komposisi keahlian perlulah seboleh mungkin terdiri daripada wakil-wakil setiap skim dan kumpulan perkhidmatan.
  - (ii) enam (6) orang terdiri daripada pegawai Kumpulan Sokongan. Komposisi keahlian perlulah seboleh mungkin terdiri daripada wakil-wakil Kumpulan Sokongan I dan Sokongan II; dan

- (iii) seorang Pengerusi Pihak Pekerja dan seorang Setiausaha Bersama perlu dilantik daripada kalangan ahli-ahli Pihak Pekerja yang telah dilantik.

## **PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS**

- 7. Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan dua(2) Setiausaha Bersama yang masing-masing dilantik oleh kedua-dua pihak serta ahli-ahli seperti di Perenggan 2 dan Perenggan 3. Naib Pengerusi adalah Pengerusi Perwakilan Pihak Pekerja. Jika sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat, maka ahli Pihak Pegawai yang terkanan boleh menjadi Pengerusi Ganti.

## **TUJUAN**

- 8. Tujuan Majlis adalah untuk memperoleh seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara UKAS, JPM dengan pegawai-pegawai yang bertugas di UKAS, JPM dalam perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja berkenaan, untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul pelbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi UKAS, JPM.

## **BIDANG DAN FUNGSI**

- 9. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah hanya tertumpu pada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut:
  - (i) membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada kaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali perkara-perkara yang melibatkan dasar Kerajaan atau hal-hal perseorangan;
  - (ii) membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat dan peraturan dalam menjalankan tugas;
  - (iii) menggalakkan kakitangan mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk meningkatkan lagi pengetahuan mengenai pentadbiran pelbagai jabatan; dan

- (iv) mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan organisasi pejabat serta menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

## **MESYUARAT - MESYUARAT**

10. Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali, iaitu 4 kali setahun.
11. Korum bagi mesyuarat Majlis hendaklah sekurang-kurang terdiri 50 peratus atau 3 orang ahli Pihak Pegawai dan 50 peratus atau 6 orang ahli Pihak Pekerja.
12. Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, maka ahli Pihak Pegawai terkanan boleh mempengerusikan mesyuarat Majlis dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa keadaan sekalipun, Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja tidak boleh mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis.
13. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang dari tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.
14. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi jika dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat berkenaan.

## **KEPUTUSAN**

15. Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua belah pihak.
16. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan jabatan-jabatan lain dan tidak bertentangan dengan dasar Kerajaan boleh dilaksanakan terus oleh UKAS, JPM. Bagi keputusan yang berkaitan dengan dasar Kerajaan ataupun

dengan jabatan-jabatan lain, ia hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau pun kepada jabatan-jabatan yang berkenaan.

## **PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN**

17. Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana mesyuarat Majlis dengan persetujuan tidak kurang daripada 50 peratus ahli Pihak Pegawai dan 50 peratus ahli Pihak Pekerja. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.
18. Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai penggubal dasar boleh menetapkan kaedah terbaik bagi menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat dan pertentangan di antara Pihak Pegawai dengan Pihak Pekerja mengenai penggubalan dan pindaan Perlembagaan Majlis. Segala keputusan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah muktamad selari dengan kuasa yang diperuntukkan dalam Perenggan 13 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992.

### Nota:

Pindaan JPA Pada 2 Mei 2012

Diluluskan Dalam Mesyuarat MBJ Pada 29 Jun 2012

\*\*\*\*\* @ \*\*\*\*\*